CH BUILDER SDN BHD

lwn.

IMPRESSIONS WALLCOVERING & CARPETS (PG) SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ZALEHA ZAHARI H
[RAYUAN SIVIL NO: 12-38-97]
4 DISEMBER 2000

PROSEDUR SIVIL: *Penggantungan prosiding - Permohonan untuk penggantungan prosiding sementara menunggu keputusan rayuan - Samada permohonan harus dibenarkan memandangkan rayuan telahpun dibicarakan - Perayu telah memfailkan rayuan terhadap keputusan rayuan tersebut - Samada perayu harus mengemukakan permohonan penggantungan yang baru*

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Rayuan terhadap penolakan permohonan penggantungan prosiding oleh Mahkamah Sesyen - Samada harus dikemukakan di Mahkamah Tinggi melalui notis usul dan tidak secara rayuan*

Ini adalah rayuan CH Builder Sdn Bhd ('perayu') terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen menolak permohonannya untuk mengantung semua prosiding seterusnya sementara menunggu keputusan rayuan terhadap penghakiman yang diperolehi oleh Impressions Wallcovering & Carpets (PG) Sdn Bhd ('responden') terhadap perayu.

Diputuskan:

[1] Lanjutan dari penolakan permohonan untuk penggantungan oleh Hakim Mahkamah Sesyen, sekiranya perayu ingin mendapat perintah penggantungan di Mahkamah Tinggi, ia perlu dikemukakan melalui notis usul dan tidak secara rayuan.

[2] Oleh kerana perbicaraan rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen telah pun selesai dibicarakan atas meritnya, asas bagi permohonan penggantungan ini telah pun terlaksana dan dengan yang demikian "is no longer sustainable". Walaupun satu rayuan telah pun difailkan terhadap keputusan tersebut, rayuan dalam hal ini harus ditarik balik oleh perayu memandangkan perkembangan itu. Ini adalah kerana perintah yang perlu digantung sekarang bukan lagi perintah Hakim Mahkamah Sesyen tetapi perintah hakim dalam rayuan tersebut.

[3] Di peringkat ini, tindakan yang wajar diambil oleh perayu ialah untuk mengemukakan satu permohonan penggantungan yang baru terhadap perintah Hakim Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen dan sekiranya permohonan penggantungan yang baru itu ditolak, perlulah mengemukakan permohonan penggantungan di Mahkamah Rayuan pula.

[4] Responden "should not be deprived of the fruits of their litigation". Selain dari itu, mahkamah ini memutuskan bahawa alasan-alasan yang dibangkitkan oleh perayu tidak boleh diterima sebagai "special circumstances" membolehkan mahkamah ini melaksanakan bidangkuasanya untuk mengeluarkan satu perintah penggantungan.

[Rayuan ditolak dengan kos.]

Kes yang dirujuk:
Taman Penawar Sdn Bhd v. Khoo Guat Ngoh & Ors [1995] 2 CLJ 443 ***(diikuti)***

Bagi pihak perayu - Yeang Kok Kheang; T/n Yeang & Co
Bagi pihak responden - Clement Cheng Yew Min; T/n John Heah & Co

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Zaleha Zahari H:

Ini adalah rayuan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen bertarikh 31 Mac 1997 menolak dengan kos permohonan defendan/perayu untuk menggantung semua prosiding seterusnya sementara menunggu keputusan rayuan. Latarbelakang permohonan penggantungan ini adalah seperti berikut:

Pada 15 November 1996 pihak responden, Impressions Wallcovering & Carpets (PG) Sdn Bhd telah memperolehi penghakiman terhadap perayu, CH Builders Sdn Bhd di mana defendan dikehendaki membayar wang sebanyak RM28,990.90 berserta faedah dan kos kepada responden. Perayu tidak puas hati dengan penghakiman tersebut dan telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi melalui Mahkamah Tinggi Rayuan Sivil No. 12-178-96. Seminggu kemudian, iaitu, pada 23 November 1996, perayu telah memfailkan permohonan untuk menggantung prosiding sehingga rayuan mereka diputuskan. Hakim Mahkamah Sesyen telah menolak permohonan penggantungan tersebut yang merupakan subjek rayuan ini.

Peguam perayu, Encik Yeang Kok Kheang, berhujah terdapat keadaan istimewa (special circumstances) kerana pihak lain turut terlibat di dalam kes ini dan perayu telah disaman di dalam peranannya sebagai seorang agen. Menurutnya

lagi, status ekonomi perayu akan terjejas dengan teruknya sekiranya permohonan penggantungan ini tidak dibenarkan. Dalam keadaan sedemikian, dia memohon supaya rayuan ini dibenarkan dengan kos.

En. Clement Cheng Yew Min, peguam responden, dalam hujahan balasnya telah membangkitkan satu isu prosedur. Menurutnya, rayuan ini adalah diluar aturan. Lanjutan dan penolakan permohonan untuk penggantungan oleh Hakim Mahkamah Sesyen, beliau menghujah, tindakan yang wajar diambil oleh perayu bukanlah untuk memfailkan rayuan terhadap penolakan permohonan penggantungan itu tetapi beliau harus memfailkan satu permohonan untuk penggantungan melalui Notis Usul di Mahkamah Tinggi. Keputusan YA Hakim Vincent Ng Kim Khoay dalam kes *Taman Penawar Sdn Bhd v. Khoo Guat Ngoh & Ors* [1995] 2 CLJ 443 telah dirujuk sebagai otoriti untuk menyokong hujahan ini.

Selain dari itu Encik Clement juga menarik perhatian mahkamah kepada perkembangan Rayuan Sivil No. 12-178-96, iaitu rayuan atas merit keputusan Hakim Mahkamah Sesyen bertarikh 15 November 1996. Rayuan tersebut telah selesa dibicarakan oleh YA Hakim Dato' Mohd. Noor Abdullah pada 31 Julai 2000 dan keputusan tersebut memihak kepada responden. Dalam keadaan sedemikian dia memohon supaya rayuan perayu ditolak dengan kos.

Berhubung dengan isu prosedur yang dibangkitkan oleh peguam responden, saya bersetuju dengan hujahan responden bahawa, lanjutan dari penolakan permohonan untuk penggantungan oleh Hakim Mahkamah Sesyen, sekiranya perayu ingin mendapat perintah penggantungan di Mahkamah Tinggi, ia perlu dikemukakan melalui notis usul dan tidak secara rayuan. Saya bersetuju sepenuhnya dan menerimapakai keputusan dan penghakiman YA Hakim Vincent Ng Kim Khoay dalam kes *Taman Penawar Sdn Bhd v. Khoo Guat Ngoh & Ors* [1995] 2 CLJ 443. Atas alasan teknikal ini sahaja rayuan ini boleh ditolak.

Sekiranya pun saya tersilap memutuskan sedemikian, bahawa mahkamah ini masih berkuasa untuk menimbang perkara ini menurut bidangkuasa rayuannya, saya berpendapat dalam keadaan mana perbicaraan rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen bertarikh 15 November 1996 telah pun selesai dibicarakan atas meritnya oleh YA Hakim Dato' Mohd Noor Abdullah, asas bagi permohonan perggantungan ini telah pun terlaksana dan dengan yang demikian "is no longer sustainable".

Peguam perayu dalam hujahannya telah memaklumkan satu rayuan telah pun difailkan terhadap keputusan YA Hakim Dato' Mohd Noor bertarikh 31 Julai 2000. Sekiranya inilah kedudukan semasa kes ini sekarang, saya berpendapat rayuan ini harus ditarik balik oleh perayu dengan mengambil kira perkembangan ini. Ini adalah kerana perintah yang perlu digantung sekarang

bukan lagi perintah Hakim Mahkamah Sesyen, tetapi perintah YA Hakim Dato' Mohd Noor di dalam Rayuan Sivil No. 12-178-96. Di peringkat ini, tindakan yang wajar diambil oleh peguam perayu ialah, untuk mengemukakan satu permohonan penggantungan yang baru di dalam Rayuan Sivil 12-178-98, dan sekiranya permohonan penggantungan yang baru itu ditolak, perlulah mengemukakan permohonan penggantungan di Mahkamah Rayuan pula.

Diperingkat ini saya berpendapat responden tidak wajar dinafikan hak yang telah diperolehi dan kejayaan tindakan mahkamah yang telah diambil oleh mereka, iaitu, pihak responden "should not be deprived of the fruits of their litigation". Selain dari itu saya memutuskan alasan-alasan yang dibangkitkan oleh peguam perayu juga tidak boleh diterima sebagai "special circumstances" membolehkan mahkamah ini melaksanakan bidangkuasanya untuk mengeluarkan satu perintah penggantungan.

Berdasarkan alasan-alasan yang dibentangkan diatas rayuan perayu telah ditolak dengan kos.